



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SUKU TAHUNAN
SUKU KEEMPAT 2018

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2018

*Jabatan Perancangan dan
Kemajuan Ekonomi
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi
Negara Brunei Darussalam*

*Department of Economic Planning and
Development
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN
SUKU KEEMPAT 2018**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:

EKONOMI NEGARA BERKEMBANG SEBANYAK 0.1 PERATUS PADA TAHUN 2018 BERIKUTAN PERKEMBANGAN SEBANYAK 1.0 PERATUS PADA SUKU KEEMPAT 2018.

1. Ekonomi negara pada tahun 2018 meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding 1.3 peratus pada tahun 2017. Peningkatan ini dicapai setelah pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku keempat 2018 (Q4 2018) mencatatkan pertumbuhan positif.
2. Pada suku keempat 2018, KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah berjumlah BND4.8 bilion berbanding BND4.3 bilion pada Q4 2017. Sektor Minyak & Gas yang bernilai BND2.7 bilion telah menyumbang 55.1 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.
3. Pada harga tetap, KDNK pada Q4 2018 meningkat sebanyak 1.0 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan terutamanya dalam Sektor Bukan Minyak & Gas sebanyak 6.8 peratus. Manakala, Sektor Minyak & Gas menurun sebanyak 3.3 peratus.
4. Peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas antarlain adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Perkhidmatan Kewangan (29.7 peratus), Subsektor Perkhidmatan Kerajaan (5.5 peratus) dan Perdagangan Borong dan Runcit (5.2 peratus).

5. Manakala penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh Subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli [*Liquefied Natural Gas* (LNG)] dan Methanol yang menurun sebanyak 6.3 peratus berikutan pengeluaran LNG yang menurun daripada 1,032,050 MMBtu sehari pada Q4 2017 kepada 924,232 MMBtu sehari pada Q4 2018. Ini diikuti oleh penurunan Subsektor Perlombongan Minyak dan Gas sebanyak 2.3 peratus selaras dengan penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 118.1 ribu tong sehari pada Q4 2017 kepada 117.5 ribu tong sehari pada Q4 2018. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 36.2 juta meter padu sehari kepada 33.1 juta meter padu sehari.
6. Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan positif tahun-ke-tahun pada suku keempat 2018 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Perkhidmatan sebanyak 6.4 peratus. Antaralain, ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Perkhidmatan Kewangan, Subsektor Perkhidmatan Kerajaan, Subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Subsektor Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman.
7. Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus berikutan peningkatan dalam pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Subsektor Ternakan. Subsektor Perhutanan meningkat disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran balak. Sementara itu, peningkatan dalam Subsektor Ternakan adalah disebabkan peningkatan dalam pengeluaran daging kambing, ayam pedaging dan telur.
8. Walaubagaimanapun, Sektor Industri menurun sebanyak 2.3 peratus. Penurunan ini dipengaruhi terutamanya oleh Subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli dan Methanol.
9. KDNK mengikut pendekatan perbelanjaan mencatatkan peningkatan terutamanya disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam negeri, khususnya perbelanjaan kapital sektor swasta yang terus berkembang sebanyak 58.0 peratus tahun-ke-tahun, setelah meningkat sebanyak 33.2 peratus pada suku sebelumnya. Manakala, eksport bersih barangan dan perkhidmatan menurun sebanyak 31.0 peratus.
10. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Keempat 2018 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2018**

BRUNEI DARUSSALAM

**MAIN HEADLINE: ECONOMY GREW BY 0.1 PERCENT IN 2018 AFTER A
1.0 PER CENT EXPANSION IN Q4 2018**

- 1. Brunei Darussalam's economy in 2018 grew by 0.1 per cent after a 1.3 per cent growth in 2017. The overall growth was achieved after GDP in the fourth quarter of 2018 (Q4 2018) recorded a positive growth.*
- 2. In the fourth quarter of 2018, Brunei Darussalam's gross domestic product (GDP) at current prices was valued at BND4.8 billion compared to BND4.3 billion in Q4 2017. The Oil & Gas sector was valued at BND2.7 billion accounting for 55.1 per cent of the total gross value added (GVA).*
- 3. At constant prices, GDP in Q4 2018 increased by 1.0 per cent year-on-year. The growth was mainly associated with the increase in the Non-Oil & Gas sector by 6.8 per cent. On the other hand, the Oil & Gas sector declined by 3.3 per cent.*
- 4. The growth in the Non-Oil & Gas sector was due to the increase in the Finance Subsector (29.7 per cent), Government Services Subsector (5.5 per cent) and Wholesale & Retail Trade (5.2 per cent).*
- 5. Meanwhile, the decline in the Oil & Gas sector was mainly due to a contraction in the Manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG) and Methanol Subsector by 6.3 per cent attributed to LNG production decreasing from 1,032,050 MMBtu per day in Q4 2017 to 924,232 MMBtu per day in Q4 2018. This followed by a decrease in the Oil and Gas Mining Subsector by 2.3 per cent in line with the decrease in the crude oil production from 118.1 thousand barrels per day in Q4 2017 to 117.5 thousand barrels per day in Q4 2018. Natural gas production also recorded*

a decline from 36.2 million cubic metres per day to 33.1 million cubic metres per day.

- 6. By Kind of Economic Activity, the positive performance of the economy in the fourth quarter was due an increase in the Services Sector by 6.4 per cent. This positive growth was due to an increase in the Finance Subsector, Government Services Subsector, Wholesale and Retail Trade Subsector and the Real Estate and Ownership of Dwellings Subsector.*
- 7. The Agriculture, Forestry & Fishery Sector also recorded an increase of 0.4 per cent due to an increase in the output of the Forestry Subsector and Livestock and Poultry Subsector. Increase in the production of round timber was the main contributor to the increase in the Forestry Subsector. Meanwhile, the growth of Livestock and Poultry Subsector was due to increase in the production of goat-meat-mutton, poultry meat and eggs.*
- 8. However, the Industry Sector recorded a decline of 2.3 per cent .This was mainly due to a contraction in the Manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG) and Methanol Subsector.*
- 9. GDP by expenditure approach recorded an increase in domestic demand, specifically capital expenditure of the private sector, continued to grow by 58.0 per cent year-on-year after recording 33.2 per cent growth in the previous quarter. Meanwhile, net exports of goods and services recorded a decline by 31.0 per cent.*
- 10. Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Fourth Quarter of 2018 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn*